

29 JUN 1996

Megat-Bakun

KDN SEDANG TELITI TINDAK-TANDUK NGO YANG SABOTAJ PROJEK BAKUN

KAMPUNG GAJAH, 29 Jun (Bernama) -- Kerajaan merancang mengkaji dan meneliti tindak-tanduk negatif badan-badan bukan kerajaan (NGO) terhadap projek-projek pembangunan negara, terutama projek hidroelektrik Bakun, kata Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Megat Junid Megat Ayob, hari ini.

Katanya, tindakan itu perlu diambil memandangkan NGO, terutama dari negara luar, sering mengambil kesempatan untuk menuduh yang bukan-bukan terhadap projek pembangunan negara supaya rakyat memandang negatif terhadap projek itu.

Kerajaan sedang menimbang untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang terbabit setelah mempunyai bukti yang cukup, katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Koperasi Peserta Felcra Kampung Kandang di Seberang Perak dekat sini.

Beliau berkata tindakan tiga penghuni rumah panjang di Sarawak menyaman kerajaan dan juga Syarikat Ekran Berhad dipercayai dipengaruhi oleh NGO yang melihat projek tersebut sebagai sesuatu yang negatif memandangkan mereka sebelum ini tidak berminat dalam isu alam sekitar.

Sebenarnya projek hidroelektrik Bakun adalah suatu projek yang akan menghasilkan pelbagai peluang ekonomi kepada penduduk negara ini terutamanya penduduk Bakun dan menjadikan negara ini lebih kompetitif di pasaran antarabangsa, katanya.

Beliau berkata kedudukan Malaysia yang lebih kompetitif dan setara dengan negara maju lain adalah keadaan yang tidak mahu dilihat oleh NGO asing.

Megat Junid juga membidas sikap NGO yang hanya suka melihat setiap projek pembanguan negara dari kacamata negatif daripada gambaran yang tepat.

Beliau menganggap penentangan NGO terhadap projek hidroelektrik Bakun semata-mata mahu mensabotaj pembangunan sumber dan ekonomi rakyat dan negara ini.

"Isu ini dimainkan kerana NGO asing di negara ini tidak mahu melihat Malaysia membangun daripada sebuah negara sedang membangun menjadi negara maju," katanya.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dua hari lepas yang membidas NGO tempatan yang terpengaruh dengan NGO asing untuk mengganggu projek pembangunan negara melalui projek Bakun yang bernilai RM13,600 juta itu.

Mengenai pengambilan pekerja asing daripada Depoh Tahanan Imigresen di seluruh negara, katanya mulai Isnin ini majikan yang berminat untuk mendapat tenaga kerja sebagai pembantu rumah boleh membuat permohonan dengan Pasukan Petugas Buruh Asing.

Para majikan diberi peluang memilih pembantu rumah yang mereka perlukan, dan dengan ini tidak timbul isu pasukan itu yang akan menentukan, katanya. -- BERNAMA

KY OBA